

**PENYEWAAN HARTANAH SURUHANJAYA PELABUHAN**  
**PULAU PINANG DI LOT 2823, SEKSYEN 1, BANDAR**  
**GEORGETOWN, DAERAH TIMUR LAUT**

Pelawaan ni dibuat kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan dari segi kewangan mahupun teknikal untuk menyewa hartanah di Lot 2823, Seksyen 1, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut.

Butiran mengenai hartanah dan syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

1. Lokasi adalah di 5A, Jalan Cantonment, Georgetown dengan keluasan tanah sebanyak 8,401.00 meter persegi. Syarat nyata ialah First Grade dan tiada sekatan kepentingan.
2. Di atas lot tanah terdapat sebuah rumah sesebuah binaan sebelum perang dengan keluasan lantai iaitu bangunan utama 766.457 meter persegi dan bangunan ansilari seluas 378.488 meter persegi.
3. Rumah sesebuah tidak dilengkapi dengan apa-apa perabot atau kelengkapan.
4. Bangunan boleh diubahsuai tetapi tidak mengubah struktur asal bangunan.
5. Penyewa yang berjaya perlu menjalankan kerja-kerja pendawaian semula, kerja-kerja M&E dan penyelenggaraan yang berkaitan.
6. Tempoh penyewaan adalah selama 3 tahun dan dengan opsyen tambahan 3 tahun lagi.
7. Penyewa hendaklah memastikan cadangan konsep penyewaan adalah mengikut *zoning, plot ratio* dan syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan.
8. Apabila tamat tempoh sewaan, hartanah dikembalikan kepada SPPP tanpa sebarang kos kepada SPPP.
9. Pemeriksaan dan penelitian ke atas hartanah tersebut perlu dilaksanakan oleh penyewa bagi mendapatkan sendiri maklumat berkaitan cadangan sewaan.
10. SPPP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dan PBT berkaitan dengan syarat penyewaan di atas hartanah tersebut.
11. SPPP tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dan SPPP sentiasa berhak untuk memilih serta menerima mana-mana tawaran yang difikirkan

terbaik dan bersesuaian. Keputusan adalah muktamad dan SPPP tidak akan melayan sebarang surat rayuan daripada mana-mana pihak.

12. Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan *softcopy* dengan mengemukakan maklumat lengkap seperti latar belakang syarikat, konsep sewaan beserta gambar dan cadangan kewangan yang lengkap dan cadangan kadar sewa. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang  
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal  
No.1A, Pesara King Edward  
10300 Georgetown, Pulau Pinang**

13. Tarikh tutup Pelawaan Mengemukakan Cadangan Sewaan ialah pada 26 Julai 2016.
14. Tempoh sah laku Pelawaan Mengemukakan Cadangan Sewaan ialah bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup pelawaan.

